

Program pembangunan petani-nelayan.

Jangan timbulkan perasaan tidak puas hati-PM

UM 7 AUG 1985

BUTTERWORTH 6
Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pihak-pihak tertentu supaya jangan cuba menimbulkan perasaan tidak puas hati terhadap apa yang kerajaan laksanakan dalam program pembangunan kepada petani dan nelayan, semata-mata kerana kepentingan politik masing-masing.

Katanya, telah banyak perubahan yang dirasai dan dinikmati oleh masyarakat petani dan nelayan hasil dari pelaksanaan bantuan dan kemudahan yang dicurahkan oleh kerajaan kepada mereka.

Kepada masyarakat petani dan nelayan pula Perdana Menteri mengingatkan jangan membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh anasir-anasir seperti itu kerana ia akan hanya merugikan diri mereka sendiri.

Berucap merasmikan perayaan Hari Peladang-Nelayan peringkat kebangsaan 1985 di Jalan Jelawat, Seberang Jaya dekat sini pagi ini Perdana Menteri menasihatkan petani dan nelayan supaya terus beker-

Oleh
Fuady Yusof

beras akan tinggi," katanya.

Bagaimanapun beliau mengingatkan petani dan nelayan tidak harus bergantung sangat untuk mendapatkan bantuan subsidi itu tetapi sebaliknya harus berusaha dengan cara lain bagi mengatasinya.

Katanya, sekiranya banyak bantuan subsidi itu dikeluarkan, akan melibatkan pula pihak lain seperti tidak dapat melaksanakan berbagai kemudahan kepada rakyat lain seperti menyediakan perumahan, kemudahan jalan dan lain-lain.

Perdana Menteri menarik perhatian apa yang perlu ialah petani dan nelayan sekarang memodenkan cara pekerjaan masing-masing bagi membanyakkan hasil pengeluaran makanan.

"Apabila hasil pengeluaran makanan itu banyak maka akan membantu rakyat miskin untuk membelinya dengan harga murah dan dengan ini akan menghindarkan rakyat negara ini daripada kebuluran atau

kelaparan,"ujarnya.

Dalam hal ini selalunya akan timbul pula dari pihak pengeluaran makanan itu seperti petani atau nelayan yang akan mendapat keuntungan yang sedikit berikutan jualan harga barangan makanan seperti beras, ikan dan lain-lain itu murah.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, sebenarnya keadaan seperti itu selalunya diawasi oleh kerajaan dengan cara mengawal dan menentukan harga-harga barangan itu atau dengan cara kerajaan menyediakan subsidi.

Menyentuh mengenai Hari Peladang-Nelayan, Perdana Menteri berharap tidak akan menjadikannya hanya sebagai hiburan semata-mata tetapi jadikan sebagai panduan untuk kita sendiri boleh mencari kejayaan seperti yang ditunjukkan.

Katanya, tidak ada perkara yang kita tidak boleh buat sedangkan yang lain berjaya dalam pembuatan itu dan mendapat hasil yang memberikan faedah dan keuntungan kepada diri dan keluarga untuk hidup selesa.